

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]

TARIKH : 24 OKTOBER 2018 (RABU)

SOALAN NO. 24

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan:

- (a) Jumlah dan tempoh tertunggak yang terhutang kepada pengendali-pengendali di bawah Dana Sokongan Bas Interim Berperingkat (ISBSF) ; dan
- (b) status MyBas dan cadangan untuk penambahbaikan sistem pengangkutan bas awam khususnya industri bas berhenti-henti.

JAWAPAN:

Yang di-Pertua,

- 1) Dana Sokongan Sementara Bas Berhenti-henti (ISBSF) diwujudkan oleh Kerajaan untuk menangani masalah perkhidmatan bas berhenti-henti iaitu dengan menampung kos kerugian yang dialami oleh pengendali syarikat. Tujuan dana ini diwujudkan adalah untuk memastikan perkhidmatan bas berhenti-henti dapat dikekalkan dalam pada masa yang sama pengusaha syarikat mampu memberi perkhidmatan yang lebih efisien dan penumpang mendapat faedah menggunakan perkhidmatan ini.
- 2) Bagi tuntutan pengendali untuk tahun 2018, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (S.P.A.D.) telah meluluskan dan membayar sebanyak RM 47 juta sehingga bulan Jun 2018. Tuntutan pengendali yang masih di dalam proses pembayaran adalah sebanyak RM 32.8 juta.
- 3) Pada Mesyuarat Majlis Ekonomi bil. 23/2013, pihak Kerajaan telah meluluskan cadangan Skim Transformasi Perkhidmatan Bas Berhenti-henti (SBST) di bawah jenama myBAS di bandar-bandar utama di seluruh Negara. SBST adalah merupakan penyelesaian jangka panjang kepada masalah perkhidmatan bas berhenti-henti yang dihadapi oleh negara. Skim SBST ini dirancang untuk dilaksanakan secara tiga fasa di bandar-bandar utama dengan kerjasama Kerajaan Negeri. Fasa pertama telah dilaksanakan di Kangar, Seremban, Ipoh dan Kuala Terengganu.

SOALAN NO. 24

- 4) Skim SBST ini menjanjikan rangkaian yang menampung sebahagian besar penduduk dengan perkhidmatan bas berhenti-henti yang lebih efisien, boleh dipercayai dengan harga yang berpatutan untuk menggalakkan lebih ramai penduduk menggunakan perkhidmatan bas berhenti-henti sebagai mod pengangkutan utama.
- 5) Sejak pelaksanaan SBST tahun 2015, inisiatif ini telah berjaya memperkenalkan 175 buah bas baru, 34 juta kilometer perjalanan, dan membawa 11.8 juta penumpang. Setakat ini jumlah yang telah dibelanjakan adalah sebanyak RM 119 juta.
- 6) Memandangkan jumlah perbelanjaan yang amat besar, kajian semula model industri bas berhenti-henti di Malaysia akan dilaksanakan termasuk memperhalusi model '*gross cost*' yang digunapakai dalam skim SBST ini bagi bertujuan mengurangkan impak kewangan ke atas Kerajaan. Penyediaan bas juga merupakan salah satu manifesto kerajaan baru untuk menambah 10,000 buah bas di seluruh negara dalam tempoh 5 tahun dan bakal dilaksanakan melalui skim SBST yang baharu. Buat masa ini, segala perancangan SBST, termasuk SBST Kuala Terengganu fasa 2 dan 3, dan SBST Johor Bahru, telah dihentikan sehingga kajian semula model tersebut selesai.